

Topik-Topik Komunikasi Dakwah Dalam Mesej Akidah Kepada Masyarakat Orang Asli di Selangor

Zulkefli Aini¹, Abdul Ghafar Don², Ahmad Irdha Mokhtar³, Nur Uswah Ahmad Fauzi⁴

¹²³⁴Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, FPI, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

Progres Artikel

Diterima: 29 Januari 2018

Disemak: 26 Mac 2018

Diterbit: 7 September 2018

*Corresponding Author:

Zulkefli Aini,
Pusat Kesejahteraan Insan dan
Komuniti, FPI, UKM,
Bangi Selangor.
Email: zulaini@ukm.edu.my

Abstrak: Elemen mesej dalam komunikasi merupakan salah satu faktor yang dapat memberi kesan terhadap perubahan tingkah laku seseorang. Dalam konteks dakwah, pendakwah yang terlibat dalam proses komunikasi dakwah dengan Orang Asli seharusnya berkebolehan memastikan kandungan mesej yang disampaikan boleh difahami oleh sasaran dakwahnya. Di samping itu, pemilihan mesej dakwah yang betul mengikut keutamaan memudahkan proses perkongsian maklumat antara pendakwah dengan Orang Asli. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti topik-topik tertentu dalam mesej akidah yang dikemukakan oleh masyarakat Orang Asli kepada pendakwah dan mengenalpasti maklum balas lisan yang diberikan oleh pendakwah kepada Orang Asli terhadap topik tersebut. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan pengumpulan data melalui temu bual separa struktur. Temu bual melibatkan sembilan orang pendakwah yang aktif dalam aktiviti dakwah masyarakat Orang Asli di Selangor. Data kajian dianalisis secara tematik mengikut objektif yang ditentukan. Kajian ini mendapati bahawa topik-topik yang sering dikemukakan oleh Orang Asli kepada pendakwah dalam penyampaian mesej akidah ialah berkenaan tentang keimanan kepada Allah SWT, keimanan kepada malaikat, dan keimanan kepada qada' dan qadar. Topik-topik berkenaan didapati berada dalam kerangka *worldview* kepercayaan dan amalan tradisi mereka. Sehubungan dengan itu, pendakwah memberikan maklum balas lisan terhadap topik-topik tersebut adalah berdasarkan keterangan yang jelas dan contoh yang tepat bersesuaian dengan tahap pemikiran mereka. Penekanan terhadap topik-topik tersebut merupakan perkara yang penting dalam rangka mengukuhkan dan memurnikan akidah masyarakat Orang Asli.

Kata kunci: Komunikasi; Mesej; Pendakwah; Komuniti Orang Asli

Abstract: One of the factors that can affect a person's behavior is a communication message. In the context of the da'wah, preachers who involved actively in da'wah communication with the Orang Asli should be able to ensure that the message conveyed can be understood by the target group. In addition, the selection of the correct messages of da'wah based on the foremost priority simplify the process of sharing information between the preachers and the Orang Asli. Accordingly, this article aims to identify specific topics of Islamic faith (akidah) submitted by the Orang Asli in the process of da'wah communication and to identify verbal feedback given by the preachers to the Orang Asli of the topics. This qualitative study using case study design and data was collected through semi-structured interviews. Interviews involving nine preachers were active in da'wah activity to the Orang Asli community in Selangor. Data were analyzed thematically according to the specified objectives. The study found that the topics frequently raised by the Orang Asli is concerned about belief in Allah, belief in Malaikat, and belief in Qada' and Qadar. The topics may be found within the framework of worldview in their beliefs and practice of ancient traditions. Therefore, the preachers gave verbal feedback on these topics is based on a clear and precise sample corresponding to the level of their thinking. The emphasis on these topics is very important to strengthen and purify the faith of the community.

Keywords: Communication; Message; Preacher; Indigenous community

Pengenalan

Laporan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2014) bagi penduduk negeri Selangor menyatakan bahawa jumlah komuniti masyarakat Orang Asli di negeri ini ialah seramai 19,761 orang. Daripada jumlah tersebut terdapat seramai 5,465 orang atau 27.6% telah memeluk agama Islam (JAKIM, 2015). Data tersebut memberi indikasi bahawa kuantiti pengislaman dalam kalangan masyarakat Orang Asli masih rendah dan perlu dipertingkatkan. Di samping itu, menurut Ramle (2015) kualiti pengetahuan dan penghayatan terhadap ajaran Islam dalam kalangan masyarakat Orang Asli muslim juga berada di tahap minima sama ada dalam konteks akidah atau syariah. Begitu juga dengan pandangan Abd. Ghafar Don (2014) yang menyimpulkan bahawa kesedaran tentang pengamalan dan penghayatan Islam dalam kalangan Orang Asli secara umumnya masih berada di tahap yang minima. Aspek ini termasuklah kemampuan mereka untuk melaksanakan kewajipan terhadap asas-asas ajaran Islam seperti solat, puasa, aqiqah dan korban. Keadaan ini memerlukan usaha yang berterusan secara maksimum di pihak pendakwah untuk membantu mempertingkatkan komitmen Orang Asli muslim terhadap ajaran agama Islam. Salah satu aspek yang boleh diberi perhatian ialah mempertingkatkan kemahiran berkomunikasi yang menekankan aspek pemeraksanaan skop komunikasi dari sudut mesej yang hendak disampaikan kepada Orang Asli. Ini termasuklah kemahiran mengenalpasti topik-topik penting yang menjadi kebiasaan dalam proses komunikasi antara pendakwah dengan masyarakat Orang Asli. Aspek ini perlu diambil perhatian kerana ia merupakan maklum balas lisan daripada masyarakat Orang Asli dalam memahami mesej agama yang disampaikan kepada mereka.

Oleh itu, artikel ini bertujuan mengenalpasti topik-topik tertentu dalam mesej akidah yang dikemukakan oleh masyarakat Orang Asli kepada pendakwah dan mengenalpasti maklum balas lisan yang diberikan oleh pendakwah kepada Orang Asli terhadap topik tersebut. Topik-topik yang sering dikemukakan oleh Orang Asli dalam usaha memahami persoalan akidah yang diajar oleh pendakwah. Maklum balas yang dikemukakan daripada pihak pendakwah adalah merupakan penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan dalam proses komunikasi. Mesej akidah dalam perbincangan ini hanyalah memfokuskan tentang enam perkara dalam rukun iman. Kajian ini dijalankan terhadap pendakwah masyarakat Orang Asli di Selangor yang mempunyai tugas khusus membimbing masyarakat ini untuk mengenali dan menghayati ajaran Islam.

Penyampaian Mesej Akidah dalam Proses Komunikasi Dakwah

Menurut Asep Syamsul (2013), proses komunikasi dakwah berlaku sebagaimana proses komunikasi konvensional secara umumnya. Walau bagaimanapun, fokus utama komunikasi dakwah ialah daripada sudut fungsi sumber dan mesej yang hendak disampaikan serta matlamat akhir proses tersebut. Ia bermula daripada pendakwah sebagai sumber yang menyampaikan mesej dakwah kepada sasaran dakwahnya sebagai penerima. Mesej dakwah yang dikenali sebagai *maudūw'* dakwah meliputi tiga sendi utama dalam Islam iaitu akidah, ibadah dan akhlak (Al-Qaradawi, 2012). Menurut M. Natsir (1978) mesej dakwah dalam proses komunikasi antara pendakwah dengan sasaran dakwah bertujuan untuk menyempurnakan hubungan manusia sebagai makhluk dengan Allah SWT, menyempurnakan hubungan antara sesama manusia dan mewujudkan keseimbangan antara kedua-dua perkara tersebut.

Daripada sudut keutamaan penyampaian mesej Islam kepada sasaran dakwah, mesej akidah menduduki tempat pertama berbanding mesej-mesej yang lain seperti ibadah dan akhlak (al-Ibrahim 2005; al-Bayanuni 1995) sebagaimana yang terangkum dalam proses dakwah para Rasul (al-Shahrastani 2012; al-Damiri 2012; Al-Amiri 2012). Sebagai contoh, Nabi Muhammad s.a.w. berdakwah kepada para pembesar dan pemerintah yang berada di luar Semenanjung Tanah Arab menggunakan medium komunikasi secara tulisan melalui surat rasmi kepada mereka memberi tumpuan tentang aspek akidah (Tawilah & Hilwani 2003).

Menurut Sayed Sabiq (2011), akidah yang berasal daripada kata *أَكِيدَ* membawa maksud ikatan atau simpulan merupakan suatu keyakinan yang bersifat khusus dan pasti terhadap Allah S.W.T, para Malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para Rasul-Nya, hari akhirat serta ketentuan makhluk sama ada takdir baik atau pun buruk. Dalam Islam, aspek akidah yang terkandung dalam rukun iman merupakan kepercayaan dan keimanan yang diasaskan kepada kebenaran yang mutlak tanpa disertai dengan keraguan, kesesatan atau kebatilan. Kesan daripada manifestasi keimanan dan kepercayaan ini akan membentuk ketaatan kepada perintah Allah SWT yang akhirnya menjadi pemangkin terhadap pembinaan keperibadian dan akhlak yang terpuji (al-Shahrastani 2012).

Dalam konteks dakwah kepada masyarakat Orang Asli, kajian Faiz (2018) menunjukkan penyampaian mesej akidah boleh berlaku secara lancar dan dapat diterima oleh mereka apabila pendakwah mampu berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh mereka. Tambahan pula apabila pendakwah boleh berkomunikasi dengan menggunakan

bahasa Orang Asli sendiri. Kajian Nur Damia Husna (2017) mendapati bahawa pendakwah mempunyai cabaran ketika menerangkan mesej akidah yang berkaitan dengan konsep ketuhanan. Antara usaha yang dilakukan oleh pendakwah ialah menjelaskan konsep tersebut dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami. Di samping itu, pendakwah juga menggunakan bahasa visual dalam penyampaian mesej akidah terutama apabila mengemukakan bukti dan dalil akal supaya masyarakat Orang Asli mudah memahami mesej yang disampaikan. Pendekatan penyampaian sedemikian dalam proses komunikasi dakwah antara pendakwah dengan masyarakat Orang Asli bersesuaian dengan kaedah yang digunakan oleh Haslinda et al (2015), Rohani et al (2010) dan Ahmad Yunus & Ab Halim (2010).

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian kes yang dijalankan bertujuan meneliti secara mendalam fenomena berkaitan gerak kerja dakwah melalui pendakwah masyarakat Orang Asli sebagai peserta kajian. Pengumpulan data menggunakan kaedah temu bual separa struktur dijalankan bersama 9 orang pendakwah yang bertugas secara rasmi dalam aktiviti dakwah Orang Asli sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 1. Mereka dipilih secara bertujuan mengikut kriteria tertentu iaitu mereka yang mempunyai pengalaman berdakwah kepada Orang Asli melebihi tempoh 10 tahun. Pembinaan instrumen temu bual berdasarkan objektif yang ditentukan dengan mengambil kira maklumat yang diperolehi daripada kajian literatur dan dikategorikan mengikut tema-tema tertentu yang bersesuaian dengan objektif kajian. Item-item temu bual adalah tertumpu kepada persoalan-persoalan utama yang diajukan oleh masyarakat Orang Asli kepada pendakwah dalam aspek konsep ketuhanan, keimanan kepada Allah SWT, keimanan kepada malaikat, keimanan kepada Nabi dan rasul, keimanan kepada hari akhirat, serta keimanan kepada qada' dan qadar. Item-item tersebut dinilai dan disahkan oleh tiga orang panel yang terdiri daripada ahli akademik Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti Fakulti Pengajian Islam UKM yang mempunyai kepakaran dalam bidang dakwah Orang Asli dan komunikasi dakwah. Data-data yang diperolehi melalui temubual bersama peserta kajian dikemukakan semula kepada mereka untuk disahkan berdasarkan pendekatan penilaian persetujuan unit analisis melalui kaedah Cohen Kappa. Penganalisisan data temu bual menggunakan kaedah analisis tematik berdasarkan kod-kod tertentu yang membentuk pola dapatan kajian.

Jadual 1: Senarai peserta kajian

Kod Peserta Kajian	Jantina	Tarikh temu bual	Jawatan
PK 1	Lelaki	29 Mac 2017	Pengerak Masyarakat Orang Asli, JAKIM
PK 2	Lelaki	04 April 2017	Pengerak Masyarakat Orang Asli, JAKIM
PK 3	Perempuan	11 April 2017	Pengerak Masyarakat Orang Asli, JAKIM
PK 4	Lelaki	29 Mei 2017	Pengerak Masyarakat Orang Asli, JAKIM
PK 5	Perempuan	03 April 2017	Panel Dakwah Muallaf, MAIS
PK 6	Perempuan	11 April 2017	Panel Dakwah Muallaf, MAIS
PK 7	Perempuan	07 April 2017	Panel Dakwah Muallaf, MAIS
PK 8	Lelaki	28 April 2017	Tim. Pengerusi, Persatuan Kebajikan & Pengurusan Orang Asli Selangor
PK 9	Lelaki	30 April 2017	Pengerusi, Yayasan Khalifah

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian adalah berdasarkan temubual yang dilakukan bersama pendakwah yang terlibat secara langsung dengan dakwah masyarakat Orang Asli. Tumpuan item temubual adalah meliputi topik-topik utama dalam proses komunikasi dakwah antara mereka dengan Orang Asli melalui mesej akidah yang terangkum dalam rukun iman. Ia merupakan maklum balas lisan yang dikemukakan kepada masyarakat Orang Asli dalam usaha memberikan kefahaman tentang persoalan akidah kepada mereka.

Keimanan kepada Allah SWT

Kajian mendapati bahawa mesej akidah melalui topik keimanan kepada Allah SWT merupakan topik yang sering diajukan kepada pendakwah bagi memahami ajaran Islam daripada sudut akidah. Topik-topik tersebut ialah kewujudan Allah SWT, kekuasaan-Nya dan sifat-sifat kesempurnaan-Nya. Kajian menunjukkan bahawa persoalan ketuhanan yang dibangkitkan oleh masyarakat Orang Asli kepada pendakwah mempunyai kaitan dengan pola pemikiran mereka tentang konsep supernatural sebagaimana yang dibincangkan oleh Arabestani & Juli Edo (2011). Ini kerana pembentukan kehidupan sosial masyarakat Orang Asli hanya bergantung kepada kawalan kepercayaan "supernatural" yang menebal diwarisi daripada kepercayaan nenek moyang mereka. Justeru, peserta kajian berpandangan bahawa menerangkan konsep ketuhanan dalam kerangka keimanan kepada Allah SWT tidak menghadapi cabaran yang besar.

Ketika menerangkan kepada Orang Asli tentang kewujudan Allah SWT, PK 2 misalnya, mengaitkannya dengan kewujudan dan penciptaan di sebalik sesuatu yang ada di sekeliling manusia termasuk diri manusia itu sendiri. Di samping itu, pendedahan tentang ciptaan Allah SWT seperti langit dan bumi secara tidak langsung menyingkap segala kelemahan manusia yang bersifat tidak kekal. Pendekatan yang sama diambil oleh PK 4, PK 6, PK 7 dan PK 8 ketika menerangkan kepada mereka tentang bukti kekuasaan Allah SWT iaitu dengan

membawa pelbagai contoh kejadian yang berlaku di sekeliling mereka seperti pokok, langit, bintang, gunung ganang dan pertukaran siang malam. Pendekatan seperti ini bersesuaian dengan pandangan Said Hawwa (2007), yang mengatakan bahawa pendekatan memperkenalkan tentang kewujudan Allah SWT melalui segala ciptaan-Nya menunjukkan secara jelas bahawa integrasi bukti-bukti tersebut bertentangan dengan kemampuan dan fitrah kemanusiaan. Penerangan secara logik tersebut dapat menangkis keraguan dan meningkatkan keyakinan terhadap kewujudan Allah SWT.

PK 4 turut menjelaskan kepada mereka bahawa kepercayaan animisme yang meminta dan memuja kepada kuasa lain seperti kayu, pokok, sungai dan batu serta menyeru kepada penunggu gua, penunggu sungai, penunggu bukit membuktikan kuasa Allah SWT adalah lebih kekal dan pemujaan yang dilakukan dalam kepercayaan animisme adalah kepada sesuatu yang tidak berkuasa kerana Allah yang menciptanya. Pendekatan yang diambil oleh PK 4 seperti itu kerana pegangan animisme masyarakat Orang Asli pada asalnya mempunyai kepercayaan bahawa wujudnya tuhan sebagai kuasa yang tertinggi (Azyantee, 2013). Namun, menurut Mohd Khairulnazrin, Muhammad Syafee & Ishak (2016) kepercayaan ini disokong dengan satu doktrin tentang penghormatan dan pemujaan terhadap kewujudan roh dan semangat yang wujud pada objek yang tidak bernyawa seperti logam, bentuk geografi dan fenomena alam. Pegangan ini rentetan daripada keyakinan bahawa roh dan semangat yang wujud memainkan dua peranan penting sama ada mengganggu manusia atau membantu kehidupan mereka.

Berkenaan tentang sifat kesempurnaan Allah SWT pula, PK 3 mengalami cabaran untuk menerangkannya kepada Orang Asli. Ini disebabkan mereka tidak mampu mengingat dan memahami konsep 20 sifat kesempurnaan bagi Allah SWT yang digambarkan dalam kuantiti yang banyak. Namun, secara asasnya penjelasan tentang tiga sifat kesempurnaan-Nya yang terawal iaitu *wujud*, *qidam* dan *baqa'* dapat juga difahami oleh Orang Asli secara berperingkat-peringkat. Oleh itu, PK 3 menjelaskan kurangnya aspek kefahaman terhadap sifat kesempurnaan Allah SWT boleh menjejaskan penghayatan Islam masyarakat Orang Asli. Pandangan ini selari dengan pendapat PK 7 yang mengatakan bahawa berlakunya kekeliruan Orang Asli terhadap kefahaman tentang sifat wajib dan sifat mustahil bagi Allah SWT yang memerlukan pendakwah menimbulkan persoalan dan hujah logik dengan mengelakkan penggunaan ayat-ayat al-Quran.

Keiman kepada Malaikat

Persoalan tentang Malaikat merupakan aspek yang terkandung di dalam perkara *al-sami'yyat* dan *al-ghaibiyyat* yang tidak terjangkau oleh keupayaan pancaindera manusia (Zakaria Stapa 1998). Kajian mendapati bahawa pendakwah menjelaskan kepada Orang Asli persoalan tentang Malaikat yang berkisar

dalam aspek tertentu seperti asal usul kejadian, nama-nama dan tugas Malaikat. Menurut semua peserta kajian, perbincangan tentang Malaikat kebiasaannya tentang 10 Malaikat yang wajib dipercayai, penciptaannya daripada cahaya berserta ciri-cirinya seperti tidak makan dan tidak minum serta pendedahan berkenaan tugas Malaikat antaranya mereka sentiasa beribadat kepada Allah SWT dan menyiksa orang yang berdosa di dalam kubur.

Walau bagaimana pun, kajian mendapati topik tentang Malaikat bukanlah topik yang biasa ditanya oleh Orang Asli kepada pendakwah. Peserta kajian berpendapat bahawa topik ini masih kurang difahami oleh Orang Asli. Namun, menurut PK 2 dan PK 6, ada kalangan Orang Asli yang bertanya sama ada Malaikat mempunyai persamaan dengan kewujudan hantu dan jin. Bagi PK 2, beliau mempunyai kesukaran menjelaskan persoalan tersebut dengan baik kerana Orang Asli hanya dapat menerima jawapan yang boleh digambarkan melalui panca indera. Mereka juga sukar memahami perkara yang tidak dapat dilihat secara fizikal. Walau bagaimanapun, menurut PK 8, ada kalangan Orang Asli yang cuba memahaminya dengan mengaitkannya dengan kepercayaan tentang kewujudan roh orang yang telah meninggal dunia sebagaimana yang terdapat dalam kalangan kaum Temuan yang disebut sebagai "Malikat".

Keimanan kepada Kitab dan Rasul

Kajian mendapati bahawa topik berkenaan dengan kepercayaan kepada kitab (al-Quran) dan Rasul tidak mendapat tempat dalam proses komunikasi antara mereka dengan pendakwah. Keadaan ini disebabkan mereka tidak mempunyai latarbelakang kepercayaan yang berkaitan dengan panduan beragama yang mereka anuti selama ini melalui sesebuah kitab atau utusan yang menyampaikan ajaran kepercayaan mereka. Kesannya ialah apabila pendakwah berusaha menerangkan tentang topik keimanan kepada Kitab dan Rasul, mereka tidak memberikan maklum balas lisan dengan bertanya soalan berkenaan topik tersebut. Peserta kajian menjelaskan bahawa mereka menghadapi cabaran dalam menjelaskan dan memahami topik tersebut. Menurut peserta kajian bahawa daripada pihak orang Asli pula didapati mereka menghadapi kesukaran untuk memahami topik tersebut.

Justeru, sebagai usaha untuk menjadikan topik keimanan kepada Kitab suatu kebiasaan dalam kelas pengajian, beberapa pendekatan diambil oleh peserta kajian. PK 1, PK 2, PK 3, PK 5, PK 7 dan PK 8 menggunakan kaedah *iqra'*, iaitu mengenali huruf-huruf *hijaiyyah*. Mereka menyedari bahawa tahap pembelajaran dan pemikiran yang rendah dalam kalangan Orang Asli sebagaimana yang ditunjukkan oleh Abdul Sukor et. al. (2011) menjadikan kaedah tersebut sebagai langkah permulaan bagi memahami topik berkenaan. Di samping itu, ada kalangan masyarakat Orang Asli yang telah menunjukkan pencapaian *iqra'* di tahap 5 dan 6 serta terdedah dengan majlis bacaan surah

Yasin. Sehubungan dengan itu, peserta kajian seperti PK 5 menggunakan pendekatan membaca surah Yasin berserta penerangan tentang keistimewaan, mukjizat dan keberkatan ayat-ayat al-Quran sebagai penawar sesuatu penyakit.

Peserta kajian juga mengambil pendekatan menerangkan tentang topik kepercayaan kepada Nabi dan Rasul kepada Orang Asli secara perlahan-lahan, berulang-ulang dan bertahap. Pendekatan ini digunakan dengan harapan ia menjadi permulaan bagi mencetuskan persoalan tentang topik tersebut.

Keimanan kepada hari akhirat

Hasil kajian menunjukkan bahawa topik tentang keimanan dengan hari akhirat dikemukakan kepada pendakwah dalam konteks kehidupan selepas kematian dan balasan terhadap setiap perlakuan di dunia. Oleh kerana mereka juga mempunyai kepercayaan dan amalan yang berkaitan dengan kematian sebagaimana yang ditunjukkan oleh Jo Komar & W.A. Amir Zal (2014), persoalan tentang keimanan kepada hari akhirat adalah menjurus kepada memperkasakan kefahaman mereka tentang topik tersebut. Justeru, apabila pendakwah berkomunikasi dengan mereka untuk menerangkan topik tersebut, kajian mendapati pendakwah tidak mempunyai cabaran yang besar. Sebagai contoh, PK 5 menjelaskan kepada Orang Asli dalam bentuk penceritaan tentang keadaan orang yang berada di dalam kubur selepas mereka meninggal dunia dengan mengaitkan tiga perkara yang ditinggalkan oleh si mati iaitu anak yang soleh, ilmu yang bermanfaat dan amal kebajikan. Pendekatan ini secara tidak langsung bagi memantapkan akidah waris-warisi si mati yang masih hidup untuk terus melakukan kebaikan.

Manakala, PK 3, PK 4 dan PK 9 menyentuh tentang konsep pahala dan dosa yang dikaitkan dengan amalan baik dan amalan buruk. Antaranya tentang dosa besar yang tidak akan diampunkan oleh Allah SWT iaitu syirik dengan menganggap bahawa ada kuasa lain selain Allah SWT dan dosa yang akan diampunkan oleh Allah SWT sekiranya seseorang itu bertaubat seperti mendedahkan aurat, minum arak dan makan babi. PK 3 turut menjelaskan bahawa perbuatan merungut ketika menjalankan sesuatu kerja dalam kehidupan harian akan mengurangkan pahala seseorang. Justeru, beliau menyarankan supaya memulakan sesuatu pekerjaan dengan kalimah *bismillah*, secara tidak langsung mesej tersebut dapat dikaitkan dengan sifat ikhlas.

Menurut PK 1, ada kalangan Orang Asli yang bertanya tentang perbezaan antara penghuni syurga dengan neraka. Bagi menjawab pertanyaan tersebut, beliau menjelaskan bahawa syurga dihuni oleh orang yang melakukan amalan-amalan baik. Neraka pula dihuni oleh orang yang berbuat dosa dan mereka yang belum menganut agama Islam. Menurut PK 6, ada juga dalam kalangan Orang Asli yang bertanya tentang keadaan orang yang melalui titian sirat. Pertanyaan tersebut dijawab dengan jelas dan ringkas iaitu apabila

seseorang mengikut perintah Allah SWT maka mereka dapat melepasi titian sirat dengan mudah. Penjelasan yang pendek dan padat menurut beliau lebih mudah difahami oleh pelajar Orang Asli.

Keimanan kepada *qada'* dan *qadar*

Hasil kajian mendapati topik tentang keimanan kepada *qada'* dan *qadar* dalam proses komunikasi antara masyarakat Orang Asli dengan pendakwah adalah berkisar tentang amalan kehidupan seharian mereka seperti konsep untung rugi dan tuah sial, serta konsep rezeki. Menurut PK 3, ada kalangan masyarakat Orang Asli mempunyai kefahaman yang salah tentang *qada'* dan *qadar* apabila mereka menganggap bahawa sesuatu musibah yang berlaku adalah "sial" atau malapetaka yang menimpa diri mereka. Keadaan ini berlaku apabila ada kalangan Orang Asli yang mengamalkan upacara "mandi langit" yang bertujuan menolak bala dan anasir-anasir jahat (Azyantee 2013).

Bagi menjelaskan salah faham tersebut, PK 5, PK 6, PK 7, PK 8 dan PK 9 misalnya mengaitkannya dengan persoalan rezeki. Ini kerana menurut PK 6, kepercayaan *animisme* yang diamalkan secara turun temurun menganggap bahawa roh nenek moyang mereka yang mengurniakan rezeki dan mengawasi kehidupan mereka. Manakala PK 8 pernah diajukan pertanyaan tentang usaha mencari rezeki yang berterusan tetapi tidak memperoleh sebarang kekayaan. Bagi menjawab pertanyaan tersebut, PK 8 menjelaskan tentang konsep kekayaan dalam konteks sesuatu kurniaan rezeki yang dapat memenuhi keperluan hidup serta tidak mempunyai hutang dengan orang lain. Bagi PK 8, jawapan tersebut secara tidak langsung mengaitkannya dengan dengan sifat bersyukur dan tidak mudah putus asa.

Manakala PK 9 menjelaskan topik keimanan dengan *qada'* dan *qadar* dengan menggunakan pendekatan penerangan berbentuk analogi. Dengan mengambil contoh kejadian pokok durian, beliau menimbulkan persoalan tentang kejadian pokok durian tersebut yang ditanam oleh nenek moyang tanpa disiram, ditengok dan tidak dijaga tetapi sehingga sekarang dapat mengeluarkan hasil iaitu berbentuk rezeki yang boleh dimakan. Beliau turut mengaitkannya dengan kekuasaan Allah SWT sebagai pemberi rezeki.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, mesej akidah merupakan salah satu mesej penting dalam proses komunikasi dakwah antara pendakwah dengan masyarakat Orang Asli. Mesej akidah yang menjadi rangka rujuk dalam proses tersebut mengandungi topik-topik tertentu terutama dalam usaha masyarakat Orang Asli memahami persoalan akidah yang berkaitan dengan rukun iman. Kajian mendapati topik tentang keimanan kepada Allah SWT, keimanan kepada malaikat dan keimanan kepada

qada' dan *qadar* adalah topik-topik komunikasi yang sering berlaku antara mereka dengan pendakwah. Keadaan ini adalah disebabkan persoalan-persoalan tersebut didapati mempunyai perbincangan yang hampir sama dengan kepercayaan dan amalan tradisi mereka. Manakala topik berkenaan dengan kepercayaan kepada Kitab dan Rasul menunjukkan tidak mendapat tempat dalam proses komunikasi. Keadaan ini disebabkan konsep Kitab dan Rasul bukan merupakan sebahagian dalam kerangka *worldview* kepercayaan dan amalan tradisi mereka.

Maklum balas lisan yang dikemukakan oleh pendakwah dalam proses komunikasi dakwah adalah penting bagi menjelaskan kefahaman masyarakat Orang Asli terhadap mesej akidah, memperkukuhkan pengetahuan dan kefahaman mereka dan memperteguhkan keimanan mereka terhadap ajaran Islam melalui sudut akidah. Kemahiran pendakwah berkomunikasi dalam konteks dakwah menggunakan keterangan yang jelas dan contoh yang tepat boleh merungkai masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli ketika berusaha memahami mesej akidah yang disampaikan.

Sehubungan dengan ini, melalui kajian ini perbincangan tentang elemen pandangan semesta masyarakat Orang Asli dalam aspek amalan ritual dan perhubungan kemasyarakatan boleh diteroka serta bagaimanakah pola komunikasi yang berlangsung antara pendakwah dengan Orang Asli dalam persoalan tersebut.

Penghargaan: Penulisan ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian penyelidikan Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2016-051) yang dibiayai oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

- Al-Amiri, Ahmad al-Bara'. (2012). *Fiqh Da'wah al-Anbiya' fi al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Abdul Ghafar Don. (2014). Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: senario dan realiti kefahaman dan penghayatan Islam. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik*. Bandar Baru Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali & Mohd Hasani Dali. (2011). Kanak-kanak minoriti Orang Asli di Malaysia: menggapai literasi bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1(2): 59-70.
- Ahmad Yunus Kasim dan Ab Halim Tamuri. (2010). Pengetahuan Pedagogikal Kandunagn (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal Islamic and Arabic Education*. 2(2): 13-30.
- Arabestani, M., & Edo, J. (2011). The Semai's response to missionary work: From resistance to compliance. *Anthropological Notebooks*, 17(3): 5-27.
- Asep Syamsul M. Romli. (2013). *Komunikasi Dakwah Pendekatan Praktis*. Indonesia.
- Azyantee Mohd Zawawi. (2013). Amalan Tabu Suku Mah Meri Tanjung Sepat, Banting Selangor. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 6(2): 155-169.
- Al-Damiri, Amin Yusuf. (2012). *Khasisah al-Tadarruj Fi al-Da'wah Ila Allah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Faiz Abdul Rahim. (2018). Domian Pendakwah Masyarakat Orang Asli. Disertasi Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haslinda Tahir Shah, Laili Halim dan Zanaton Iksan. (2015). Kaedah bermain dalam meningkatkan minat murid Orang Asli terhadap Sains. Kertas kerja International Conference on Language, Education and Inovation pada 16-17 Mac 2015 anjuran Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ibrahimi, Musa Ibrahim. (2005). *Mahafim Tarbawiyyah fi Fiqh al-Da'wah al-Islamiah*. Amman Jordan: Dar al-'Ilam.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Data Pengislaman Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Bahagian Dakwah (Orang Asli), JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2014). *Data Maklumat Asas*. Bahagian Perancangan dan Penyelidik. JAKOA.
- Jo Komar dan W.A. Amir Zal. (2014). *Adat Orang Asli Suku Temuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir, Muhammad Syafee Salihin Hasan & Ishak Sulaiman. (2016). Kepercayaan Animisme Menurut Perspektif Sunnah Nabawi dan Ahli Antropologi Barat: Satu Kajian Awal. *Jurnal Pengajian Islam*. 9(2): 149-176.
- Muhammad Natsir. (1978). *Fiqh al-Da'wah*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Nur Damia Husna Nor Sad. (2017). Komunikasi Bahasa Pendakwah Masyarakat Orang Asli. Disertasi Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Qardawi, Yusuf. (2012). *Fleksibiliti Islam: Prinsip. Akidah. Keutamaan. Sumber*. Mohammad Zaini (terj.). Bangi: Syabab Book Links.
- Ramle Abdullah. (2015). Cabaran Dakwah dalam Masyarakat Orang Asli. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Pembangunan Insan Pemimpin Masyarakat Orang Asli pada 7-9 November 2015 di The Grand Beach Resort Port Dickson Negeri Sembilan anjuran Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).
- Rohani Arbuaa, Hazrie Jamil dan Nordin Abd. Razak. (2010). Hubungan guru-pelajar dan kaitannya dengan komitmen belajar pelajar: adakah guru

- berkualiti menghasilkan perbezaan pembelajaran antara jantina pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2): 61-69.
- Sayed Sabiq. (2011). *Al-aqa'id al-Islamiyyah*. Terj. Terengganu: Rangkaian Berkat Sdn Bhd & Batu Caves: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Al-Shahrastani, Muhammad bin Sa`ad Baqnah. (2012). *`Ilm al-Da`wah Ila Allah Ta`ala Haqiqatuh wa Ahammiyatuh*. Tesis Sarjana Universiti Umm al-Qura Mekah.
- Tawilah, `Abd al-Wahhab `Abd al-Salam dan Hilwani, Muhammad Amin Syakir. (2003). *`Alamiyyah al-Islam wa Rasa'il al-Nabi s.a.w. ila al-Muluk wa al-Umara'*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Zakaria Stapa. (1998). Kepercayaan kepada yang Ghaib: Tumpuan Khusus kepada Peranan Makhluq Jin dalam Kehidupan Makhluq Manusia. *Jurnal Usuluddin*. 7: 49-74.